

07 AUG 2001

AS-AFTA

AHLI PERNIAGAAN AMERIKA HARAP M'SIA AKAN KETUAI PELAKSANAAN AFTA

PUTRAJAYA, 7 Ogos (Bernama) -- Ahli perniagaan Amerika Syarikat telah melahirkan harapan supaya Malaysia mengetuai pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) bagi mengekang pengaliran pelaburan langsung asing berterusan ke China.

Presiden Majlis Perniagaan AS-Asean, Ernest Z.Bower, berkata Malaysia sepatutnya mampu untuk menjadi pemimpin kerana ia telah menjadi perancang utama bagi kawasan perdagangan bebas dalam rantau Asean.

Beliau berkata memandangkan perdagangan merupakan 200 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, ia menjadikan Malaysia seolah-olah pemimpin dalam perdagangan.

"Kami berharap Malaysia akan menjadi ketua dalam pelaksanaan AFTA. Kami percaya kecuali Malaysia memimpin dan Asean melaksanakan AFTA, kami bimbang akan terdapat aliran pelaburan langsung asing yang berterusan ke China dan bukannya Asia Tenggara," katanya.

Bower berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, bersama-sama 30 anggota majlis termasuk pengerusinya James P. Kelly.

Terdahulu majlis berkenaan telah menyampaikan hasrat mereka itu semasa pertemuan selama sejam dengan Dr Mahathir di pejabatnya di sini.

Bower berkata Dr Mahathir menyokong idea yang Malaysia memimpin pelaksanaan AFTA.

Beliau berkata majlis berkenaan berpendapat Malaysia sebagai pemimpin dalam pertanian terutama bidang bioteknologi, dan sebagai peneraju teknologi dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Selain daripada itu, Malaysia juga boleh muncul sebagai pemimpin dalam penyusunan semula korporat dan sektor kewangan.

Bower berkata pelaksanaan AFTA akan menjadi kunci kejayaan bagi mengembalikan pertumbuhan ke rantau Asia Tenggara.

"Pelaksanaan perjanjian AFTA merupakan asas untuk mengembalikan pertumbuhan ke Asia Tenggara. Kami syarikat-syarikat AS mahu sebahagian daripadanya," kata beliau.

Beliau berkata China telah menjadi pesaing dalam menarik pelaburan langsung asing dalam banyak sektor ekonomi terutama pembuatan.

Bower berkata terdapat pengalihan arah pertumbuhan pelaburan langsung asing dalam kebanyakan sektor bagi Asia Tenggara dan China. Beliau berkata pada awal tahun 90an, 70 peratus pelaburan langsung asing ke Asia Tenggara dan kurang 30 peratus ke China.

Bagaimanapun hari ini, 70 peratus pelaburan langsung asing telah ke China manakala kurang daripada 30 peratus ke rantau ini.

Mengenai hubungan AS-Malaysia, Bower berkata beliau percaya Dr Mahathir dan Presiden George Bush akan bekerja keras untuk kerjasama kedua-dua negara.

Beliau berkata pada pandangan ahli perniagaan, lebih banyak perniagaan boleh diwujudkan apabila negara mempunyai hubungan yang lebih baik.

Lembaga Pengarah Majlis Perniagaan AS-Asean itu terdiri daripada 40 syarikat Amerika yang mewakili lebih 20,000 pekerjaan yang bergaji tinggi bagi pekerja Malaysia.

Syarikat-syarikat majlis adalah pemimpin dalam kerjasama latihan dan teknologi di Malaysia dan mengadakan komitmen penting dalam bidang kemasyarakatan dan pendidikan.

Majlis Perniagaan itu merupakan organisasi nasional bukan untung di AS

yang bertindak untuk mempromosikan perdagangan dan pelaburan antara AS dan negara anggota Asean.

Majlis itu selesai mengadakan dua siri mesyuarat dengan kerajaan Malaysia dan kepimpinan sektor swasta hari ini selepas mengadakan mesyuarat lembaga pengarah di Kuala Lumpur.

Sementara itu, Kelly berkata majlis berkenaan telah memilih Malaysia untuk mesyuarat tahunannya di rantau ini bagi menekankan kepentingan Malaysia kepada sektor swasta AS.

"Kami komited untuk mengambil tindakan bagi mengukuhkan hubungan ini dan memperluaskan perdagangan kami dan pelaburan di Malaysia dan di rantau Asean," katanya lagi. -- BERNAMA

LES SD NHD